



28 APR, 2022

## LZS sasar kutipan zakat RM212.8 juta

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



**MOHD. SABIRIN (lima dari kiri) bersama pengeluar zakat perniagaan di Wisma PKPS, Shah Alam kelmarin.**

## LZS sasar kutipan zakat RM212.8 juta

**SHAH ALAM** – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan kutipan zakat sebanyak RM212.8 juta sepanjang Ramadan tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd. Sabirin Mohd. Sarbini berkata, secara pecahan sasaran itu adalah melibatkan zakat harta sebanyak RM155 juta, zakat perniagaan RM22.8 juta, sementara zakat fitrah berjumlah RM35 juta.

“Zakat perniagaan memainkan peranan besar dengan menyumbang kutipan zakat sebanyak RM174.9 juta daripada RM993 juta jumlah keseluruhan zakat tahun lalu.

“Namun begitu, jika ditinjau kepada potensi sebenar zakat perniagaan, hakikatnya ia masih besar untuk diterokai. Selangor mempunyai ribuan entiti perniagaan, sama ada syarikat persendirian, perkongsian, koperasi dan sebagainya,” katanya ketika berucap pada Majlis Iftar dan Penyerahan Zakat Perniagaan di Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), di sini kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi LZS, Tan Sri Ambrin Buang; Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir dan Ahli Pemegang Amanah LZS, Datuk Dr. Abdul Rahman Abdullah.

Terdahulu, LZS menerima zakat perniagaan berjumlah RM3,508,113.71 daripada 43

buah syarikat untuk tahun ini.

Maybank Islamic Berhad mendahului senarai syarikat dengan mengeluarkan zakat perniagaannya berjumlah RM765,545.72, diikuti CIMB Islamic Bank (RM600,000), Utas Maju Sdn. Bhd. (RM237,129.66) dan Takaful Malaysia sebanyak RM200,000.

Turut menyerahkan zakat perniagaan ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sebanyak RM176,440.27, Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah RM170,000, Azman Hamzah Plastik Sdn. Bhd. dan Hospital Pakar KPJ Selangor masing-masing menyerahkan zakat sebanyak RM100,000.

Pada majlis tersebut juga LZS turut menyalurkan bantuan zakat sebanyak RM1,196,800 kepada dua institusi dan enam orang individu.

Dua institusi yang mendapat manfaat wang zakat ini ialah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Institut Latihan Islam Malaysia.

Enam individu yang mendapat bantuan LZS termasuk Ruzi Ahmad yang menerima bantuan pembelian alat perubatan RM15,000 bagi masalah paru-paru yang dihidapinya.

Lima pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM) yang merupakan asnaf tajaan LZS menerima bantuan komputer riba.



28 APR, 2022

## LZS sasar kutipan zakat RM212.8 juta

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MOHD. SABIRIN (lima dari kiri) bersama pengeluar zakat perniagaan di Wisma PKPS, Shah Alam kelmarin.

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan kutipan zakat sebanyak RM212.8 juta sepanjang Ramadan tahun ini. Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd. Sabirin Mohd. Sarbini berkata, secara pecahan sasaran itu adalah melibatkan zakat harta sebanyak RM155 juta, zakat perniagaan RM22.8 juta, sementara zakat fitrah berjumlah RM35 juta. "Zakat perniagaan memainkan peranan besar dengan menyumbang kutipan zakat sebanyak RM174.